

SURAT AKUJANJI OLEH PEMAJU

1. Surat Akujanji ini adalah ditandatangani berhubung dengan kelulusan pelan sistem bekalan air oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai "SYABAS" ke

(selepas ini dirujuk sebagai "**Pembangunan tersebut**")

2. Kami, _____ (selepas ini dirujuk sebagai "**Pemaju**") dengan ini bersetuju dan berakujanji bahawa :-
 - a) Pemaju akan menyiapkan sistem bekalan air mengikut pelan yang telah diluluskan oleh SYABAS dengan bersunguh-sunguh. Pemaju faham bahawa Bekalan Air Sementara tidak akan dipertimbangkan oleh SYABAS.
 - b) Bagi kerja-kerja sivil untuk paip, tangki air dan rumah pam, penyeliaan hendaklah dilakukan seperti berikut :-
 - i) bagi bilangan rumah kurang dari 100 unit dan permintaan air kurang dari 150,000 liter sehari yang sedang dimajukan pada satu-satu masa, penyeliaan adalah oleh seorang penyelia separuh masa.
 - ii) bagi bilangan rumah diantara 150,000 liter sehari dan 750,000 liter sehari yang mana sedang dimajukan pada satu-satu masa, penyeliaan hendaklah oleh seorang penyelia separuh masa.
 - iii) bagi bilangan rumah diantara 500 unit dan 1,000 unit dan permintaan air adalah diantara 750,000 liter sehari dan 1,500,000 liter sehari, penyeliaan hendaklah oleh seorang jurutera dan seorang juruteknik sepenuh masa.
 - iv) bagi bilangan rumah melebihi 1,000 unit dan permintaan air melebihi 1,500,000 liter sehari, penyeliaan hendaklah oleh seorang jurutera dan dua orang juruteknik sepenuh masa.

SURAT AKUJANJI OLEH PEMAJU

- v) Penyeliaan bagi kerja-kerja mekanikal, elektrikal dan telemetri hendaklah oleh seorang jurutera mekanikal, elektrikal yang bertauliah dan dilantik semasa kerja pemasangan sedang dijalankan.
- c) Pemaju hendaklah memaklumkan kepada SYABAS sebelum memulakan kerja. Bahan-bahan yang digunakan hendaklah dari senarai bahan / produk bekalan air yang diluluskan oleh SYABAS. Pemasangan sistem hendaklah berpandukan kepada pelan-pelan lukisan yang telah diluluskan saja.
- d) SYABAS akan menyaksikan ujian tekanan (Pressure test) dan ujian kebocoran (leakage test) ke atas sistem bekalan air tersebut dan akan memberikan kelulusan terhadap sistem bekalan air tersebut hanya sekiranya sistem bekalan air tersebut memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh SYABAS dan beroperasi dengan sempurna.
- e) Sistem bekalan air yang akan diserahkan kepada SYABAS adalah merangkumi sistem sebelum meter seperti :-
- i) Paip masuk utama (Incoming pipe)
 - ii) Paip retikulasi (Reticulation pipe)
 - iii) Paip penghubung (Communication pipe)
 - iv) Sistem paip bersepadu luaran (Integrated Water Supply System) (jika berkaitan)
 - v) Tangki sedut, tangki simpanan dan rumah pam luaran (Suction tank, Reservoir tank and Pump house) (jika berkaitan)
- f) Pemaju hendaklah, selepas sistem bekalan air tersebut diluluskan oleh SYABAS, hak menyerah keseluruhan sistem bekalan air tersebut kepada SYABAS melalui Borang KA 1/1 dan KA 1/2

SURAT AKUJANJI OLEH PEMAJU

- g) Pemaju perlu bertanggungjawab membaiki segala kerosakan atau kecacatan dalam tempoh tanggungan kecacatan, selama dua puluh empat (24) bulan selepas sistem diambilalih oleh SYABAS. Untuk tujuan ini, pemaju bersetuju akan menyediakan satu jaminan bank bagi tempoh tanggungan kecacatan dengan amaun ditentukan kelak oleh SYABAS sebagai satu syarat untuk membolehkan SYABAS mengambilalih sistem bekalan air di pembangunan ini.
- h) Pemaju adalah bertanggungjawab ke atas segala tuntutan dan kerugian dari pembeli sekiranya sistem bekalan air termasuk sistem bekalan air dalam bangunan tidak dikira dengan betul atau tidak menepati piawaian.
- i) Pemaju hendaklah memohon Sijil Layak Menduduki (Certificate of Fitness) dari Majlis Tempatan hanya setelah sistem bekalan air tersebut disiapkan, diserah hak dan diambilalih oleh SYABAS.
- j) SYABAS tidak akan membekalkan air Pembangunan tersebut sekiranya sistem bekalan air tersebut tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh SYABAS, dan/atau tidak beroperasi dengan sempurna. Selanjutnya, Pemaju hendaklah melakukan pembaikpulihan dan sebarang kos perubahan atau pindaan yang berkaitan ke atas sistem bekalan air tersebut hendaklah ditanggung oleh Pemaju.
- k) Dalam apa jua keadaan sekalipun, sekiranya Sijil Layak Menduduki diperolehi oleh Pemaju sebelum sistem bekalan air tersebut diserahkan dan diambilalih oleh SYABAS, Pemaju adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa tuntutan dan tindakan daripada pembeli hartanah di Pembangunan tersebut atau mana-mana pihak berhubung dengan ketidaaan bekalan air ke Pembangunan tersebut.

SURAT AKUJANJI OLEH PEMAJU

Kami dengan ini bersetuju untuk mematuhi kesemua syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Akujanji ini seperti yang di atas.

1. Nama Syarikat : _____

2. No. Syarikat : _____

3. Cop Syarikat : _____

4. Tandatangan pemaju :

Nama : _____

No. K/P : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____